

# Penduduk kesal kerana tidak dapat sambut PM

LUMUT, Khamis — Penduduk di Pulau Pangkor dekat sini 'terkilan' kerana tidak diberi peluang menyambut kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Pulau Pangkor Laut 18 Julai lalu.

Mereka meminta Umno cawangan di situ menghantar satu memorandum kepada Perdana Menteri untuk menyatakan kesal dan kekecewaan mereka.

Ketua Umno cawangan Pulau Pangkor, Encik Hussin Che Li, berkata hari ini, seluruh masyarakat Pulau Pangkor bangga apabila mendapat tahu bahawa Perdana Menteri akan membuat kunjungan ke Pulau Pangkor Laut pada tarikh berkenaan.

Berikutan itu, beberapa pihak, termasuk parti-parti komponen Barisan Nasional di pulau itu, telah berbin-cang untuk memberikan sambutan yang meriah kepada Perdana Menteri.

Katanya, bagi mendapatkan kepastian dan persetujuan, pihaknya telah menulis kepada badan Perhubungan Umno negeri pada 9 Julai meminta kebenaran tetapi surat itu tidak dijawab sehingga hari ini.

## Sikap angkuh

Beliau berkata pihaknya merasa bertanggungjawab untuk memberi sambutan meriah kepada Datuk Seri Dr Mahathir kerana ia kunjungan kedua seorang Perdana Menteri negara ke pulau itu selepas Perdana Menteri yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 50-an dulu.

Encik Hussin berkata pihaknya juga kesal dengan sikap pemaju pelancongan Pulau Pangkor Laut yang mengundang Perdana Menteri tetapi tidak menjemput pemimpin masyarakat Pulau Pangkor untuk turut sama hadir.

Kedatangan Datuk Seri Dr Mahathir ialah untuk merasmikan bangunan hotel bertaraf antarabangsa di Pulau Pangkor Laut serta meninjau pulau itu yang dimajukan sebagai kawasan pelancongan.

Encik Hussin menegaskan, tindakan pihak pemaju berkenaan yang tidak menghormati penduduk tempatan menggambarkan keangkuhan mereka.

Umno bahagian Lumut yang menyokong memorandum itu turut terkilan dan kecil hati kerana tidak berpeluang meraikan kedatangan Perdana Menteri pada hari itu.

Umno bahagian itu juga menyifatkan pihak pemaju pelancongan yang bertanggungjawab mengundang Datuk Seri Dr Mahathir ke situ sebagai 'bongkak' serta tidak menghormati pemimpin masyarakat tempatan.

Ketetapan menyokong memorandum itu diputusan dalam mesyuarat jawatankuasa khas bahagian itu di Sitiawan Sabtu lalu, kata ketuanya, Encik Wajdi Datuk Haji Ishak.